

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT PERTAMA (MEMILIH SPEAKER, MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI  
DEWAN NEGERI DAN MEMILIH TIMBALAN SPEAKER)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-15**

**HARI KHAMIS**

**21 APRIL 2022**

**BIL. 1 TAHUN 15**

**HADIR**

**YB Speaker,**

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., PJN.

**YAB Menteri Besar (Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan,  
Perancangan dan Pembangunan Ekonomi)**

Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, PMW.  
(Layang-Layang)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar  
Bandar**

Dato' Zahari bin Sarip, DIMP.  
(Buloh Kasap)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, DIMP.  
(Bukit Permai)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Pelancongan, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya**

Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy, KMN.  
(Tenggaroh)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On  
(Serom)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan  
Sumber Manusia**

Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah  
(Larkin)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam**

Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid  
(Semerah)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan**

Tuan Ling Tian Soon  
(Yong Peng)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna**

Tuan Lee Ting Han  
(Paloh)

**YB Penggerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur**

Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh  
(Bukit Pasir)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Komunikasi**

Cik Norlizah binti Noh  
(Johor Lama)

YB Dato' Ir. Hasni bin Mohammad, SPMJ., PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Abd Mutualip bin Abd Rahim  
(Layang-Layang)

YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, DIMP., AMN., KMN., PIS., JP.  
(Mahkota)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Dato' Haji Jefridin bin Atan, DIMP.  
(Kukup)

YB Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi, DSAP., PJP.  
(Rengit)

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap  
(Pemanis)

YB Puan Haslinda binti Salleh, AMN., BCM.  
(Tenang)

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin, PMW., BCM.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Sahrihan bin Jani  
(Gambir)

YB Tuan Tan Chong  
(Bekok)

YB Tuan Muszaide bin Makmor  
(Sedili)

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby, PPN.  
(Kemelah)

YB Tuan Tan Eng Meng, PPN.  
(Pekan Nanas)

YB Puan Fauziah binti Misri  
(Penawar)

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan, PPN.  
(Pulai Sebatang)

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri, DPSM.  
(Parit Yaani)

YB Tuan Haji Selamat bin Takim  
(Sungai Balang)

YB Tuan Aznan bin Tamin  
(Tanjung Surat)

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib  
(Permas)

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani, DPSM., JMN., AMN.  
(Kempas)

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail  
(Senggarang)

YB Tuan Pandak bin Ahmad, PPN.  
(Kota Iskandar)

YB Tuan Azizul bin Bachok  
(Tiram)

YB Tuan Liew Chin Tong  
(Perlindungan)

YB Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub, DSPN., DGSM.  
(Simpang Jeram)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Cik Amira Aisyah binti Abd Aziz  
(Puteri Wangsa)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Chiong Sen Sern  
(Bukit Batu)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Puan Marina binti Ibrahim  
(Skudai)

YB Puan Ng Kor Sim  
(Jementah)

YB Tuan Wong Bor Yang  
(Senai)

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Haji Jamal, DMIJ.  
(Bukit Kepong)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib, JSM., PIS.  
(Endau)

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib  
(Maharani)

#### **TURUT HADIR**

#### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, SPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Amir bin Nasruddin, DMIJ.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji Salehuddin bin Haji Hassan, DMIJ., SIJ., PIS.

**Persidangan bermula jam 9.30 pagi.**

**Jurutulis mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.**

“Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim.

Bahawasanya Dewan Negeri Johor Darul Ta’zim telah dimansuhkan pada 22 Januari 2022.

Bahawasanya diperuntukkan oleh jumlah kata (4) Fasal 23 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895 memperuntukkan bahawa Dewan Negeri hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh pemansuhan itu.

Maka oleh yang demikian, Kita, Ibrahim, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Kita di bawah jumlah kata (4) Fasal 23 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895 dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 21 April 2022 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Negeri Yang Kelima Belas yang akan diadakan di Dewan Persidangan Dewan Negeri, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

Dikurniakan di Istana Kita di Bukit Serene, Johor Bahru pada 30 Mac 2022.

Yang Menjunjung Titah, Datuk Onn Hafiz bin Ghazi Menteri Besar Johor.

**Jurutulis : MEMILIH SPEAKER DEWAN NEGERI.**

Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menurut Fasal 24 Jumlahkata (1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 dan menurut peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 1 dan 2 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, Dewan Negeri akan menjalankan urusan memilih Speaker.

Adalah dimaklumkan bahawa saya selaku Jurutulis Dewan Negeri telah menerima hanya satu cadangan bertulis nama orang yang hendak dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri. Cadangan itu datangnya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam suratnya bertarikh 10 April 2022 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu rundingan di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Speaker Dewan Negeri.

Sekarang, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan cadangan memilih Speaker.

**YAB Menteri Besar :** Jurutulis, saya membawa rundingan ini untuk mencadangkan iaitu Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi dipilih menjadi Speaker dan menurut Peraturan Tetap Bil. 2 (1), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju menerima jawatan Speaker jika dipilih dan seterusnya dijemput mengambil tempatnya di dalam Dewan Negeri Johor ini sebagai Speaker.

Saya mohon membawa rundingan untuk mencadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi dipilih oleh Dewan ini menjadi Speaker bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-15.

Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi merupakan Ahli Dewan Negeri kawasan Rengit. Beliau berumur 64 tahun dan memiliki Ijazah Doktor Falsafah daripada Northern California Universiti di Amerika Syarikat. Kelulusan peringkat Sarjana dari State University of New York Binghampton USA.

Beliau memenangi kerusi Ahli Dewan Negeri kawasan Rengit pada Pilihan Raya Negeri Johor yang lalu. Seterusnya pada Pilihan Raya Umum Ke-12 beliau telah memenangi kerusi Parlimen Batu Pahat dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pelajaran II mulai tahun 2009 hingga tahun 2013. Beliau merupakan bekas Ketua Pengarah JASA Malaysia pada tahun 2015 hingga tahun 2018 dan beliau juga pernah menjadi pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang politik dan pada tahun 1997 beliau dilantik sebagai Setiausaha Kerja UMNO Negeri Johor dan pada tahun 2008 beliau telah dilantik pula menjadi Timbalan Pengurus, Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC). Beliau juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Johor, Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman pada tahun 2000 hingga 2004 dan beliau menjadi Ahli Dewan Negara mulai 13 Oktober 2004 hingga tahun 2008. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dan merupakan Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Jurutulis, saya menyokong cadangan itu.

**Jurutulis :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya ada satu cadangan sahaja yang telah diterima dan disokong menjadi Speaker, maka menurut peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 2 (3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, selaras dengan Fasal 24 jumlahkata (1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, saya dengan ini mengisyiharkan bahawa Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi adalah dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri Johor Darul Ta'zim.

**Jurutulis : ANGKAT SUMPAH OLEH SPEAKER.**

Diminta Penolong Jurutulis Dewan Negeri untuk mempersilakan dan mengiringi Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi untuk mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sebagai Speaker di bawah Fasal 24 Jumlahkata (1B), Perenggan Kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan 1895 dan Peraturan Tetap Bilangan 2 (8) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor.

**YB Speaker :** Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan selawat). Wallahi Wabillahi Watallahi. Bahawa saya Mohd Puad bin Zarkashi yang telah dipilih menjadi seorang Speaker Dewan Negeri atau Legislative Assembly bagi negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah atau berikrar dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Speaker Dewan Negeri atau Legislative Assembly yang tersebut itu. Dan, saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Barang ditolongi Allah akan saya.

**Jurutulis :** Saya dengan hormatnya mempersilakan Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, untuk memakaikan Jubah Rasmi Yang Berhormat Speaker.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, apabila saya menyebut Yang Berhormat Speaker, para hadirin sekalian dipersilakan bangun dan memberi tunduk hormat.

### **YANG BERHORMAT SPEAKER.**

(Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin bangun dan tunduk hormat).

**Jurutulis :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah aturan urusan memilih Speaker Dewan Negeri.

### **Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmaanirrahim, Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar. (Bacaan selawat). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi kepercayaan kepada saya dengan memilih menjadi Speaker bagi Dewan yang mulia ini. Pemilihan ini adalah satu penghormatan yang tinggi kepada diri saya. Saya beriltizam semaksimumnya untuk menjalankan tugas dengan sedaya supaya saya seperti sumpah yang telah saya lafazkan sebentar tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan semula Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim ketika merasmikan Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Begitu Tuanku bertitah "Ingin saya ingatkan DUN ini tempat menjadi kita berbincang dan membuat ketetapan bagi kepentingan rakyat dan negeri Johor. Jangan cemarkan Dewan ini dengan perangai buruk, ini adalah Dewan yang mulia, bukan Dewan sangkar beruk". Titah Baginda.

Justeru Ahli-Ahli Yang Berhormat, marilah kita berbahas secara kritikal tetapi kontraktif kita memikul tanggungjawab sebagai pemberang utama sendi-sendi untuk negara dan berbangsa. Peliharalah keunggulan Bangsa Johor dengan izin, bunga yang *bloom and bloom*.

Akhirnya saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih daripada seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri kepada Tuan Haji Suhaizan bin Kaiat, mantan Speaker Dewan Negeri Johor dan Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng, mantan Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor bagi Persidangan Ke-14.

Sekian, wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan terima kasih.

### **Jurutulis : MENJALANKAN KERJA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN NEGERI.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri ini.

Dengan ini saya persilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar memulakannya, dituruti oleh Ahli-Ahli yang lain mengikut seruan Jurutulis.

**Jurutulis :** Dijemput Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi.

**YAB Menteri Besar :** Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan selawat.) Wallahi. Wabillahi. Watallahi.

Bahawa adalah saya, Onn Hafiz bin Ghazi, yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri atau "Legislative Assembly" bagi Negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Ahli Dewan Negeri atau "Legislative Assembly" yang tersebut itu dan saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor.

Barang Ditolongi Allah Akan Saya.

**Jurutulis** : Dijemput YB Dato' Zahari bin Sarip

YB Dato' Mohd Jafni bin Md Shukor

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy

YB Puan Hajah Khairin-Nisa binti Ismail @ Md On

YB Tuan Mohd Hairi bin Mad Shah

YB Tuan Mohd Fared bin Mohd Khalid

YB Tuan Ling Tian Soon

YB Tuan Lee Ting Han

YB Tuan Ir. Ts. Mohamad Fazli bin Mohamad Salleh

YB Cik Norlizah binti Noh

YB Dato' Ir Hasni bin Mohammad

YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan

YB Dato' Haji Zulkurnain bin Kamisan

YB Tuan Haji Abd Mutualip bin Abd Rahim

**YB Speaker** : Yang Berhormat tak angkat tangan ke?

**Jurutulis** : Dijemput Yang Berhormat, YB Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli

YB Tuan Hahasrin bin Hashim

YB Puan Rashidah binti Ismail

YB Dato' Jefridin bin Atan

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap

YB Puan Haslinda binti Salleh

YB Datuk Haji Mohd Fuad bin Tukirin

YB Tuan Sahrihan bin Jani

YB Tuan Tan Chong

YB Tuan Muszaide bin Makmor

YB Puan Saraswati a/p Nallathamby

YB Tuan Tan Eng Meng

YB Puan Fauziah binti Misri

YB Puan Hajah Hasrunizah binti Hassan

YB Datuk Mohamad Najib bin Samuri

YB Tuan Haji Selamat bin Takim

YB Tuan Aznan bin Tamin

YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib

YB Datuk Haji Ramlee bin Bohani

YB Tuan Haji Mohd Yusla bin Ismail

YB Tuan Pandak bin Ahmad

YB Tuan Azizul bin Bachok

YB Tuan Liew Chin Tong

YB Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub

YB Tuan Chen Kah Eng

YB Cik Amira Aisyah binti Abd Aziz

YB Cik Liow Cai Tung

YB Puan Gan Peck Cheng

YB Tuan Chiong Sen Sern

YB Tuan Ng Yak Howe

YB Tuan Ee Chin Li

YB Tuan Chew Chong Sin

YB Puan Marina binti Ibrahim

YB Puan Ng Kor Sim

YB Tuan Wong Bor Yang

YB Dato' Dr. Sahruddin bin Jamal

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib

YB Tuan Haji Abdul Aziz bin Talib

#### **Jurutulis : MEMILIH TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut Fasal 24 Jumlahkata (2A) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Dewan Negeri bolehlah dari semasa ke semasa memilih seorang ahlinya menjadi Timbalan Speaker.

Jurutulis Dewan Negeri telah menerima satu sahaja pencalonan untuk Timbalan Speaker. Cadangan itu datangnya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam suratnya bertarikh 10 April 2022 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu rundingan di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Oleh itu, saya dengan hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa rundingan bagi pemilihan Timbalan Speaker Dewan Negeri.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya ingin membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Ahli Dewan Negeri Kawasan Semarang dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali berumur 60 tahun dan memiliki Diploma in Planting Industry and Management daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau, Perlis. Dalam kerajaan beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengurus Nanas Malaysia. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan di bawah portfolio Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Negeri Johor mulai tahun 2020 hingga 2022. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pembantu Khas kepada EXCO Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1995 hingga tahun 1999. Pada tahun 1990 hingga tahun 1995 beliau telah menjadi Pembantu Khas kepada EXCO Pembangunan Sosial dan Kebajikan Masyarakat.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang politik yang mana pada tahun 1988 beliau telah menjadi Jawatankuasa Penaja UMNO. Seterusnya beliau menjadi Pegawai Khas kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan sejak tahun 1990 hingga tahun 2004. Beliau juga pernah menjadi Pengurus Biro Ekonomi Pergerakan Pemuda tahun 1998 hingga tahun 1999. Pada tahun 1998 hingga tahun 2001 beliau menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Seri Gading dan pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Pergerakan Pemuda Badan Perhubungan UMNO Johor tahun 1999 hingga tahun 2001. Selain itu, beliau juga pernah

menjadi Ketua Penerangan UMNO Bahagian Seri Gading pada tahun 2001 hingga tahun 2003.

Seterusnya, beliau pernah menjadi Timbalan Ketua Penaja UMNO Bahagian Ayer Hitam tahun 2003 hingga tahun 2004. Beliau juga pernah menjawat sebagai Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO pada tahun 2008 hingga tahun 2018 dan beliau telah menjadi Ahli Dewan Negeri kawasan Semarang selama 5 penggal beliau bermula tahun 2004 hingga kini. Beliau telah menjawat pelbagai jawatan di dalam parti UMNO antaranya Ketua UMNO Bahagian Ayer Hitam dan Pengerusi Barisan Nasional Bahagian Ayer Hitam mulai tahun 2004 hingga sekarang. Seterusnya beliau telah menjadi Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dari tahun 2018 hingga kini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar:** Yang Berhormat Speaker, saya menyokong cadangan tersebut.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan kepada cadangan ini telah disokong. Tiada pencalonan lain dikemukakan. Oleh itu mengikut Fasal 24 Jumlahkata (2A) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, dengan ini saya sukacita mengisyiharkan Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Ahli Dewan Negeri kawasan Semarang dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Demikianlah tadi upacara mengangkat sumpah Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-15. Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berjanji untuk bekerjasama demi kepentingan rakyat di negeri Johor.

Marilah juga kita berikrar kepada Dewan Negeri ini untuk menjalankan urusan-urusan Dewan sepanjang persidangan yang akan datang bagi memelihara kemuliaan Dewan ini selari dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895.

Persilakan bergerak ke pintu utama Dewan Negeri untuk sesi bergambar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Tuan Haji Zainal bin Eran

**Penolong Jurutulis**

Encik Azlan Afandi bin Sauffee Afandi  
Puan Siti Nur Liyana binti Abdul Mutalib

**Koordinator**

Cik Norzita binti Abdul Aziz

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah  
Encik Muhammad Khairul bin Arop

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Raihanah binti Ismail  
Puan Norwahidah binti Elias

**Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md Sidi  
Encik Khairul Anuar bin Umar Usman

**Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh  
Encik Ismail bin Abu Bakar

*UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
21 APRIL 2022*